

Headline	THT cipta hatrik		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	19 Sep 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	63
Section	Arena	Journalist	Saiful Affendy
ArticleSize	429 cm ²		
PR Value	RM 50,505		



THT cipta hatrik!

■ **Kebal kekal kejuaraan MHL sejak 2014**

Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Terengganu Hockey Team (THT) berjaya mencegalkan kejuaraan Liga Hoki Malaysia (MHL)/TNB 2016 sekali gus mencipta hatrik selepas menewaskan TNB 3-1 pada aksi terakhir liga di Stadium Hoki Batu Buruk Terengganu semalam.

Kemenangan itu bermakna skuad THT yang muncul juara bermula 2014 meraih hadiah wang tunai RM100,000 serta Piala Liga di depan penyokong sendiri selepas mengutip 22 mata.

"Kami gagal menjadi pesaing pada pusingan pertama liga tapi pemain bangkit pada pusingan kedua sehingga mampu mempertahankan

kejuaraan liga.

"Seperti yang saya katakan sebelum ini, lebih mudah untuk memenangi kejuaraan liga berbanding mempertahankannya. Saya cukup berbangga dengan barisan pemain saya kerana mampu mencegalkan kejuaraan buat kali ketiga berturut-turut," kata Ketua Jurulatih THT Sa-jit Singh.

Pemburuan kejuaraan bermula apabila THT mendapat pukulan penalti yang disudahkan pemain tengah kebangsaan Mohd Fitri Saari yang menolak masuk ke sebelah kiri gawang pelawat.

Pada minit ke-18 tuan rumah melebarkan kedudukan menjadi 2-0 melalui gol pa-

dang mengelirukan menerusi bekas penyerang kebangsaan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil.

Hasil kombinasi menarik kapten Faizal dan Ismail Abu menghasilkan gol ketiga buat tuan rumah apabila pemain kebangsaan itu mudah menolak masuk hasil hantaran silang Faizal pada minit

ke-31 perlawanan.

Pelawat yang membariskan semua pemain anak tempatan berjaya mendapat gol sagu hati melalui jaringan Muhammad Ramandan Rosli hasil gol padang pada minit ke-32 perlawanan.

Sementara itu meskipun meraih kemenangan 2-1 ke atas Maybank, Sapura gagal

merampas kejuaraan liga daripada THT apabila mengumpul 21 mata, kurang satu daripada juara bertahan itu.

Berlangsung di Stadium Tun Razak, skuad bimbingan Yahya Atan meraih gol pertama menerusi pukulan sudut penalti Gurbaj Singh seawal minit pertama dan Phillip Ross Burrows minit ke-53.

Gol tunggal Maybank hadir menerusi pukulan sudut penalti Juan Valentino pada minit ke-37.

"Saya tetap berpuas hati dengan tempat kedua kerana te-was hanya dengan satu mata.

"Kami masih mempunyai peluang memenangi satu trofi lagi iaitu Piala TNB yang akan berlangsung selepas ini," kata Yahya.

>>THT meraih hadiah wang tunai RM100,000 serta Piala Liga selepas mengutip 22 mata

Headline	THT cipta hatrik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Arena	Page No	63
ArticleSize	429 cm ²	Journalist	Saiful Affendy
PR Value	RM 50,505		



PEMAIN THT meraikan kejayaan menjuarai MHL 2016 buat kali ketiga berturut-turut di Stadium Hoki Batu Buruk, semalam.